

SUMBANGAN Kiyai HJ SHAMSUDDIN BIN HJ REDZUAN DALAM MENYEBARKAN ISLAM

Syarul Azman Shahrudin
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
syarulazman@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini merupakan suatu kajian terhadap Kiai Haji Shamsuddin, seorang tokoh ulama nusantara yang berketurunan kerabat diraja. Beliau menghabiskan sebahagian besar hidupnya berdakwah kepada agama Allah. Beliau merupakan figura ilmu Islam yang mempunyai sumbangan yang besar pada abad ini.. Justeru, kajian ini memfokuskan tentang latar belakang Kiai Haji Shamsuddin bin Haji Redzuan dan sumbangan-sumbangan yang telah dilakukan oleh beliau. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temubual dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati sumbangan dan jasa Kiai Haji Shamsuddin yang terbesar adalah perjuangan dalam menentang komunis, sumbangan melalui penulisan, pondok, surau, masjid dan madrasah yang dibina masih kekal sehingga ke hari ini. Beliau juga telah mendidik dan melahirkan anak murid dan anaknya sendiri sebagai seorang insan yang hebat antaranya anak beliau sendiri, Dato' Hj Mohd Tahrir bin Dato' Kiai Hj Shamsuddin yang mana beliau sekarang memegang jawatan sebagai mufti negeri Johor.

Kata Kunci: Sumbangan, Tokoh Ulama, Kiai Haji Shamsuddin, Pondok, Masjid, Menyebarkan Islam

1. PENDAHULUAN

Setiap jasa dan sumbangan yang dilakukan pasti akan menjadi satu kenangan yang sentiasa diingati ummah hingga ke akhir hayat. Seorang yang berjuang di jalan dakwah selalunya akan meninggalkan kesan kepada sasarannya, malah sumbangan yang dilakukan seorang pendakwah akan disegani kawan dan digeruni lawan. Sepertimana yang dilakukan oleh seorang ulama yang sangat dikenali ramai iaitu Hasan al-Banna yang telah memperjuangkan serta meninggikan syiar Islam dengan menubuhkan pasukan pendakwah yang kuat iaitu Ikhwan Muslimin. (Syarul Azman Shahrudin, 2016) Sumbangannya dalam pasukan ini dapat memberi kesan positif kepada Islam sekaligus menaikkan martabat Islam yang direndah-rendahkan oleh musuh Islam.

Ulama' adalah pewaris Nabi, sudah pasti tugas seorang ulama adalah menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kepada keburukan sepertimana yang dilakukan oleh Nabi-Nabi terdahulu dan usaha ini disebut sebagai dakwah. (Basri Ibrahim, 1997) Pendekatan atau metod dakwah yang pelbagai mampu menjadikan dakwah itu lebih berkesan. Setiap ulama menggunakan metod yang tersendiri agar dakwahnya berjaya. (Mohamad Rafie bin Miskon, 2010) Begitu juga yang dilakukan oleh Kiai Hj. Shamsuddin, beliau antara ulama yang terkenal dan banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat khususnya kepada penduduk di daerah Muar, Johor pada masa dahulu.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

1. Apakah latar belakang Kiai Haji Shamsuddin bin Hj Redzuan.
2. Apakah jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh Kiai Hj Shamsuddin sepanjang hidup beliau.
3. Apakah sumbangan-sumbangan yang dilakukan Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan sepanjang beliau menjadi seorang ulama

3. OBJEKTIF KAJIAN

Sudah menjadi kebiasaan umum bahawa setiap kajian yang dijalankan pastinya mempunyai tujuan dan matlamat yang tertentu. Oleh sebab itu kami telah menggariskan beberapa objektif bagi kajian yang akan kami lakukan. Antaranya:

1. Untuk mengkaji latar belakang Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan agar dikenali ramai khususnya orang-orang muda pada masa kini.
2. Untuk mengkaji jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan sepanjang hidup beliau.
3. Untuk mengenalpasti sumbangan-sumbangan yang dilakukan Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan sepanjang beliau menjadi seorang ulama.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Kelahiran

Pada tanggal 11 November 1911, telah lahir seorang insan yang cukup istimewa di dalam keluarga Hj Redzuan. Ahli keluarga Hj Redzuan sangat gembira menerima seorang lagi cahaya mata di dalam ahli keluarganya. Shamsuddin adalah nama yang cukup indah yang telah diberikan oleh ayah dan ibunya.

Kiai Haji Shamsuddin bin Haji Redzuan berasal dari keturunan kerabat diraja Majapahit ketiga. Beliau telah dilahirkan di desa Kepet, Madiun Jawa Timur pada 11 November 1911. Dato' Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan ini merupakan seorang tokoh ulama tanah air yang sangat disegani dan dikenali ramai khususnya di negeri Johor.

4.2 Pendidikan

4.2.1 Pendidikan Awal

Sejak kecil lagi, beliau mempunyai cita-cita tinggi untuk memenuhi dadanya dengan ilmu walaupun menyedari kehidupan keluarganya yang hidup susah. Beliau pernah diejek, dicerna dan dihina disebabkan oleh kehidupan dalam kemiskinan. Bagaimanapun beliau tidak pernah berputus asa dalam mengharungi liku-liku hidupnya yang bermula dari Madiun Jawa Timur, Indonesia. (Abd Latif Juffri @ Al-Jufri, 2012)

Persekolahan Kiai Hj Shamsuddin sebenarnya bermula di Sekolah Dasar (SD), Desa Kepet, Dagangan, Madiun Jawa Timur sehingga darjah enam. (Hj Hambali. 2016) Oleh kerana keadaan keluarga yang daif, beliau gagal untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat menengah kerana keluarganya tidak mampu untuk menyediakan perbelanjaan sekolah untuknya. (Samin bin Shaid, 1994)

Dengan semangat yang jitu dan terus berkobar-kobar didalam dadanya, beliau telah meminta izin daripada ibunya untuk melanjutkan pelajaran. Dengan berbekalkan sedikit wang, beras, garam sebuku, sehelai baju dan kain berserta songkok yang lusuh, beliau meninggalkan rumah lalu pergi ke Pesantren Salafiah Mamb.Ulum yang terletak di Kampung Bacem Madiun, Jawa Timur yang jauhnya 12 batu dari rumahnya dengan berjalan kaki. (Hj Hambali. 2016) Beliau berguru dengan Kiai Adnan yang dianggap sebagai Wali oleh Kiai Hj Shamsuddin selama enam tahun. (Abu Bakar A.Hamid, 2003)

Setelah mendapat pendidikan di Pesantren Bacem, beliau meneruskan pengajian ke Pesantren yang lebih tinggi iaitu Pesantren Termas Pacitan Jawa Timur selama enam tahun

(Pesantren yang pernah mengeluarkan tokoh ulama' terkenal iaitu Sheikh Mahfudz At Termusi) pada tahun 1925. (Hj Hambali & Hj Sarkawi. 2016)

Oleh kerana ibunya tidak mampu untuk menampung perbelanjaan semasa di Pesantren, beliau melakukan kerja sambilan dengan mengambil upah membersihkan lampu-lampu dan mengisi air didalam kolah-kolah. Kolah-kolah ini dibina dengan menggunakan simen yang kukuh. Tujuannya adalah untuk menyimpan air yang bersih bagi kegunaan seharian pelajar-pelajar lain seperti membasuh, mandi, mengambil air sembahyang dan sebagainya. Terdapat juga tempayan yang digunakan sebagai pengganti kepada kolah-kolah tersebut. (Abu Bakar A.Hamid, 2003)

Segala perbelanjaan harian dan bayaran pengajian sepenuhnya adalah hasil dari melakukan kerja-kerja tersebut. Beliau mengambil upah sebanyak 30 sen sebulan (mengikut nilai wang pada masa itu). Ketika berumur 21 tahun Kiai Hj Shamsuddin melanjutkan pelajarannya ke Pesantren Tebu Ireng Jombang, Kendiri Jawa Timur selama tiga tahun (Hj Hambali. 2016) (Pesantren yang diasaskan Kiai Hasyim As'ari pendiri Nahdatul Ulama' nenda kepada bapa Abdul Rahman bin Wahid mantan Presiden Indonesia). (Samin bin Shaid, 1994)

Pada tahun 1937 sewaktu beliau sudah berhijrah ke Tanah Melayu, beliau seringkali berulang alik ke Indonesia untuk memantapkan ilmu dunia dan akhirat. Perkara ini berlaku sehingga tahun 1939 dan akhirnya beliau membuat keputusan untuk menetap di Tanah Melayu pada usianya mencecah 28 tahun. (Abd Latif Juffri @ Al-Jufri, 2012)

4.2.2 Kemahiran yang Dimiliki


Setelah tamat pengajian beliau secara tidak langsung telah diangkat sebagai guru untuk mengajar dalam bidang pendidikan Islam. Selain itu, Dato Kiai Hj Shamsuddin telah mengamalkan rawatan secara Islam atau tradisional untuk mengatasi permasalahan kesihatan masyarakat. Beliau dikatakan telah mempelajari ilmu rawatan ini daripada gurunya iaitu Ustaz Adnan ketika berada di Pesantren Bacem.

Rawatan Islam yang diamalkan oleh Dato Kiai Hj Shamsudddin berbentuk ilmu hikmat penerang hati. Rawatan ini dikatakan bermula sejak 1950-an. Selain dari penerang hati beliau juga menggunakan perubatan secara berselawat ke atas Nabi dalam beberapa penyakit yang berkaitan. (Abu Bakar A.Hamid, 2003)

Beliau bukan sahaja alim dalam bidang ilmu-ilmu agama, bahkan ahli dalam ilmu mempertahankan diri. Semasa zaman "Bintang 33 beliau adalah antara tokoh yang berjuang menentang pihak komunis dan mengerahkan anak-anak muridnya untuk berjuang sama demi mempertahankan maruah agama. (Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi, 2014)

Beliau sangat mahir dalam pelbagai bidang sama ada dalam bidang pendidikan, agama, politik, perubatan tradisional dan sebagainya. Dato Kiai Hj Shamsuddin mempelajari pelbagai ilmu ini dengan seorang guru yang bernama Ustaz Adnan.

4.2.3 Nama-Nama Guru



4.2.4 Nama-Nama Anak Murid Dan Jawatan

Seorang ulama yang hebat pastinya melahirkan ribuan anak murid yang hebat lagi berwibawa. Antara anak murid Kiai Hj Shamsuddin ialah :

1. Kiai Haji Khannan Bin Sulaiman
(Guru)
2. Dato' Hj Amir Bin Dainuri
(Ketua Hakim Mahkamah Syariah Johor)
3. Dato' Dr Hj Mahfuz Bin Muhammad
(Bekas Pensyarah Universiti Malaya)
4. Profesor Dr Muhammad @ Mad Som Bin Sujiman
(Ketua Pegawai Eksekutif Marsah Johor)
5. Dato' Dr Khailani Bin Muji Tahir
(Bekas Pensyarah Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia)
6. Dr Hj Azhar Bin Hj Tahir

- (Klinik Hidup Sihat)
7. Dato' Hj Mom'min Bin Hj Abd Aziz
(Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka)
 8. Haji Abdur Rahman Bin Rukaini
(Usahawan Semenyih Selangor)
 9. Profesor Madya Hajah Wardah Hj Tahir
(Pensyarah Fakulti Kejuruteraan UITM)
 10. Hj Lukman Bin Hj Abu Bakar
(Timbalan Pengarah (Makro dan Penswataan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor)
 11. Zakaria Bin Hj Tahir
(Akauntan Jabatan Hasil Dalam Negeri Kuala Lumpur)
 12. Abdul Fatah Bin Hj Abu Bakar
(Jurutera Kanan UTM Skudai Johor)
 13. Hj Salam Hj Abdur Rahman
(Bekas Pengetua Ma'had Johor)
 14. Yang Arif Hj Ishak Bin Hj Abdul Hamid
(Bekas Hakim Mahkamah Syariah Negeri Johor)
 15. Hj Anuar Bin Sarimin
(Pengetua Ma'had Johor)
 16. Tolha Bin Hj Abullah
(Usahawan Jaya Kelang, Selangor)
 17. Hj Mursid Bin Hj Ma'rof
(Bekas Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasa Jabatan Agama Johor)
 18. Hasim Bin Nawawi
(Mantan Pensyarah MPIM)
 19. Dr. Amran Bin Kasimin
(Mantan Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia)

4.3 Keluarga

Kiai Hj Shamsuddin mempunyai dua orang isteri. Isteri beliau yang pertama ialah Rogayah binti Hj Sidek yang berasal dari kampung Parit Raja, Gersek, Muar, manakala isteri kedua bernama Mariam binti Hj. Anuar. (Hj Hambali & Hj Sarkawi. 2016) Daripada isteri yang pertama, Kiai Hj Shamsuddin memperoleh sembilan orang anak, tiga lelaki dan enam perempuan. Manakala daripada isteri kedua, Kiai Hj Shamsuddin juga memperoleh sembilan orang anak, lima lelaki dan tiga perempuan. Akan tetapi seorang anaknya meninggal dunia ketika kecil lagi. (Mohamad Rafie bin Miskon, 2010)

Anak-anak dari Kiai Hj Shamsuddin dan isterinya yang pertama Rogayah binti Hj Sidek:

1. Habsah
2. Fatihah
3. Syarkawi
(Imam Masjid Dato' Kiai Hj Shamsuddin Parit Medan, Kundang Ulu, Muar Johor)
4. Halimah
5. Hambali
(Guru Sekolah Menengah Agama Shamsuddiniah, Muar Johor)
6. Fatimah
7. Paridah
8. Sya'diah
(Bekas Guru Kanan Sekolah Menengah Agama Kajang)

9. Mohd As'ed
(Pengetua Sekolah Menengah Tengku Mahmud Iskandar)

Manakala, anak-anak Kiai Hj Shamsuddin bersama isteri keduanya Mariam bin Hj Anuar:

1. Rafiah
2. Mohd Tahrir
(Mufti Kerajaan Negeri Johor)
3. Sapingah
4. Mad Nasir
(Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia)
5. Zaleha
6. Rofiki
(Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Johor)
7. Mustafa Kamal
(Pentadbir Tanah Kluang)
8. Mohd Taufik
(Kadi Jabatan Agama Islam Kota Tinggi)

Kebanyakan anak-anak beliau yang telah berjaya dalam hidup berkat didikan dari beliau sendiri. Salah seorangnya ialah Dato' Hj Mohd Tahrir bin Kiai Hj Shamsuddin, beliau merupakan Mufti Kerajaan negeri Johor sekarang. Dato' Hj Mohd Tahrir juga banyak membantu Madrasah Shamsuddiniah dalam hal yang berkaitan dengan pengurusan dan perjalanan sekolah. (Mohamad Rafie bin Miskon, 2010)

Selain itu, antara anak Kiai Hj Shamsuddin lain yang berjaya ialah Tuan Hj. Mohd Taufik bin Kiai Hj Shamsuddin. Beliau memegang jawatan sebagai Kadi Jabatan Agama Islam Kota Tinggi. Beliau sebelumnya memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah Kaunselor Jabatan Agama Johor. Beliau merupakan anak terakhir dari isteri kedua Kiai Hj Shamsuddin. (Mohamad Rafie bin Miskon, 2010)

Keluarga Kiai Hj Shamsuddin ketika ini adalah seramai 110 orang termasuk cucu, cicit dan seterusnya. Kebanyakan anak beliau tidak lagi menetap di kampung Parit Medan, Muar Johor kerana telah berhijrah ke tempat lain. (Mohamad Rafie bin Miskon, 2010)

Dengan ini, pengkaji mendapati bahawa antara anak-anak mahupun generasi beliau kebanyakannya ramai yang telah menjadi seorang insan yang hebat. Dengan berkat didikan dan ajaran yang beliau terapkan kepada anak-anaknya, beliau telah berjaya melahirkan generasi yang mengikut jejak langkah beliau walaupun beliau sudah tidak ada lagi.

4.4 Peribadi

Kiai Hj Shamsuddin mempunyai peribadi mulia selayak dengan gelaran yang diberikan kepadanya iaitu "Kiai". Gelaran Kiai adalah khas untuk mereka yang mempunyai ciri khusus seperti ilmu agama yang tinggi, bijak, pandai dan akal yang waras disamping peribadi yang mulia dan sebagainya. (Dato' Hj Ahmad Munawar bin Haji Abdul Jalil, 2013) Oleh kerana ciri-ciri ulama ada padanya maka beliau telah digelar sebagai Kiai Hj Shamsuddin.

Beliau seorang yang banyak menghabiskan masa malamnya di masjid. (Hj Sarkawi. 2016) Menurut sumber hasil temu bual yang dilakukan, beliau akan pulang ke rumah selepas solat isyak berjemaah di masjid, beliau akan tidur seawal jam sembilan kerana beliau akan berjaga

pada jam dua pagi dan bersiap-siap untuk ke masjid. Beliau akan berada di masjid dari jam dua pagi sehinggalah ke subuh. (Hj Sarkawi & Hj Hambali. 2016)

Sejak kecil lagi beliau diajar untuk makan satu senduk nasi sahaja dan beliau tidak akan menambah apabila sudah menghabiskan apa yang dimakan. Ini bukan kerana beliau dilarang untuk menambah, tetapi khawatir kekenyangan akan menggelapkan hatinya. Baginya, nasi sesenduk sudah cukup memberi tenaga kepadanya untuk melakukan kerja dan ibadah kepada Allah S.W.T. (Abu Bakar A.Hamid, 2003)

Selain itu, beliau seorang yang sangat tegas dalam menyampaikan ilmu dan hal-hal yang bertentangan dengan agama. Menurut anaknya iaitu Hj Hambali bin Hj Shamsuddin, tiada seorang pun yang berani berkata tidak setelah disuruh melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan ilmu, sama ada disuruh menghafal, mengaji atau mengajar murid baru bagi pelajar yang lama. (Hj Hambali, 2016) Kiai Hj Shamsuddin mempunyai suara yang merdu dan sedap didengar apabila membaca al-Quran ketika menjadi imam. (Hj Sarkawi. 2016)

Terdapat banyak sifat-sifat peribadi yang mulia yang boleh dijadikan ikutan mahupun contoh untuk semua masyarakat pada masa kini. Kiai Hj Shamsuddin sangat menjaga peribadinya sebagai seorang ulama, ini kerana beliau akan menjadi seorang insan yang akan dicontohi oleh pengikut-pengikutnya.

4.5 Perginya Seorang Permata

Kiai Hj Shamsuddin menghembuskan nafasnya yang terakhir pada hari khamis 9 Januari 1997 bersamaan 29 Syaaban 1417 ketika usianya 86 tahun. Beliau telah meninggal dunia pada waktu zuhur di rumah isteri pertamanya Hajah Rogayah binti Hj Sidek. Jenazah beliau telah selamat dikebumikan di tanah Perkuburan Kampung Tiong Baru Bukit Rahmat, Gersek Muar, Johor. (Abu Bakar A.Hamid, 2003). Sebelum Kiai Hj Shamsuddin meninggal dunia beliau telah menghidap penyakit yang biasa dialami orang lain apabila sudah tua. Beliau mula mendapat penyakit seperti keletihan, batuk, demam dan sebagainya. (Hj Hambali, 2016).

Setiap malam anak-anak beliau akan bergilir-gilir untuk menjaga beliau. (Hj. Hambali, 2016) Pada hari pengebumiannya, ramai orang kenamaan telah hadir antaranya ialah YAM Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim Ismail dan Menteri Besar Johor iaitu Tan Sri Muhyiddin Nasir pada ketika itu. (Abd Latif Juffri @ Al-Jufri, 2012) Kematian beliau merupakan suatu berita yang paling sedih kepada masyarakat pada ketika itu kerana mereka telah kehilangan seorang tokoh yang sangat berharga dan bernilai.

5. JAWATAN

Kiai Hj Shamsuddin adalah seorang insan yang berjiwa pemimpin. (Hj Sarkawi, 2016) Ini terbukti apabila beliau pernah memegang pelbagai jawatan penting di negeri Johor, antaranya Ahli Majlis Agama Islam Negeri Johor, Ahli Jemaah Majlis di-Raja Johor, Ahli Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor, Penasihat Baitulmal, tempat rujukan, penasihat sultan Johor, Imam Kariah dan Penolong Pendaftar nikah, cerai dan rujuk.

5.1 Ahli Majlis Agama Islam Negeri Johor

Kiai Hj Shamsuddin pernah memegang jawatan di Majlis Agama Islam Negeri Johor. (Hj Sarkawi, 2016) Beliau telah mengurus dan mentadbir Harta Baitulmal dan pada masa yang sama beliau juga pernah dilantik untuk menjadi penasihat Baitulmal. Selain itu, beliau juga memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat Raja dan memberi pelajaran mahupun

pendidikan kepada kerabat Di Raja. Beliau juga telah diberi amanah untuk menguruskan hal ehwal agama dan menguruskan kebajikan masyarakat Islam pada ketika itu. (Abd. Latif Juffri & Jainal Sakiban, 2008)

5.2 Tempat rujukan

Kiai Hj Shamsuddin telah diberi kepercayaan oleh kerabat-kerabat diraja untuk menjadi tempat rujukan bagi kerabat-kerabat diraja, pembesar negeri, kerajaan ataupun penduduk tempatan. (Hj Sarkawi, 2016) Kebanyakan dari mereka hadir sendiri ke rumah beliau sama ada untuk meminta tolong menyelesaikan masalah atau meminta nasihat dan tunjuk ajar darinya.

5.3 Penasihat Sultan Johor

Kiai Hj Shamsuddin juga pernah dilantik menjadi penasihat Sultan Johor yang mana pada ketika itu ialah Sultan Iskandar Ibnu al-Marhum Sultan Ismail. (Abd Rahim, 2016) Perlantikan ini tidak dilakukan secara rasmi. Ini kerana beliau selalunya diminta untuk memberi pandangan dan pendapat dalam hal yang berkaitan dengan pentadbiran negeri Johor. Kebiasaannya beliau akan dipanggil menghadap Sultan dan menjelaskan apa yang ditanyakan kepadanya.

Selain itu, beliau juga merupakan penasihat secara tidak langsung kepada pembesar negeri Johor seperti Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin. (Abd. Latif Juffri & Jainal Sakiban, 2008) Kebiasaannya Menteri Besar sendiri berjumpa dengan beliau untuk meminta sebarang pandangan dan pendapat mengenai politik di negeri Johor.

5.4 Imam

Kiai Hj Shmasuddin merupakan Imam masjid yang dibina oleh beliau sendiri iaitu Masjid Dato' Kiai Haji Shamsuddin Kampung Parit Medan, Kundang Ulu Ledang yang pada masa kini anaknya sendiri telah menggantikan tempat beliau sebagai imam iaitu Haji Sarkawi bin Haji Shamsuddin. (Hj Ahmad Hambali, 2016)

Di dalam bidang pendidikan, beliau juga pernah dilantik menjadi Imam Kariah dan Penolong Pendaftar Nikah, cerai dan rujuk bagi kawasan Bukit Serampang, Muar, Johor. (Abd. Latif Juffri & Jainal Sakiban, 2008) Beliau diberi kepercayaan oleh orang ramai untuk memegang jawatan tersebut, ini kerana dengan ilmu yang dimilikinya pada ketika itu.

6. SUMBANGAN

Perjuangan dalam dunia dakwah memerlukan kepada semangat yang tinggi dan ilmu yang cukup. Seorang yang berjuang dijalan dakwah selalunya akan meninggalkan kesan kepada sasarannya. (Mohd Rapi Bin Mohd Nor Al-Jundi, 2011)

Begitu juga perjuangan yang dilakukan oleh Kiai Hj Shamsuddin dalam memperjuangkan dakwah dan meninggikan syiar Islam. Beliau sangat optimis dalam usahanya terutama dalam meninggikan martabat penduduk tempatan dengan ilmu yang bermanfaat. Antara sumbangan yang dilakukan oleh Kiai Hj Shamsuddin dalam memperjuangkan dakwah adalah:

6.1 Mendirikan Pondok

Pondok merupakan satu sistem pembelajaran Islam yang mana ia bertujuan untuk mendidik masyarakat memahami lebih mendalam tentang Islam. Sebagai seorang ulama yang

mempunyai ilmu agama, Tuan Guru Dato' Kiai Hj Shamsuddin telah berusaha membawa satu perubahan dalam masyarakat setempat yang mana pada ketika itu ramai yang dahagakan ilmu agama dengan cara beliau telah membawa sistem yang pernah beliau lalui semasa beliau berada di Indonesia. (Mohamad Rafie bin Miskon, 2010) Beliau telah menjadikan pendidikan agama sebagai fokus utama dalam menyebarkan dakwah dan syiar Islam.

Pada tahun 1937, beliau sudah mula aktif dalam menjalankan kegiatan dakwah dengan mengajar di surau Baroh, surau yang berhampiran dengan tempat tinggal beliau pada ketika itu yang terletak di kampung Parit Raja, Gersik, Muar, Johor. Pada ketika itu, di surau, beliau telah mengajar mengenai ilmu tauhid dan ilmu-ilmu asas dalam agama. Beliau akan mengajar penduduk kampung pada waktu selepas asar dan selepas maghrib kerana penduduk kampung kebanyakannya adalah petani yang hanya sibuk pada waktu sebelah pagi. (Hj Ahmad Hambali, 2016)

Pada tahun yang sama, beliau juga telah berulang alik ke Indonesia dalam beberapa bulan sekali. Tujuannya adalah untuk memantapkan lagi ilmu agamanya bersama guru beliau dan sedikit sebanyak mempelajari tentang bagaimana untuk menguruskan sistem pondok yang terdapat disana. Beliau sering meminta tunjuk ajar dan nasihat dari gurunya tentang bagaimana untuk menguruskan sistem pondok kerana beliau berhasrat hendak mendirikan sebuah pondok di Tanah Melayu, ini kerana masih belum terdapat lagi sistem-sistem pembelajaran tentang ilmu agama terutamanya di daerah Muar, Johor pada ketika itu. (Hj Ahmad Hambali, 2016)

Oleh kerana penduduk setempat menunjukkan satu tindak balas yang sangat baik terhadap apa yang beliau bawa, maka bapanya mencadangkan supaya beliau membuka sebuah penempatan baru dengan mendirikan pondok untuk mengajar penduduk kampung. (Hj Sarkawi, 2016) Kiai Haji Shamsuddin telah menerima dengan baik cadangan bapanya dan beliau berusaha mencari sebuah penempatan baru untuk mereka. Justeru, beliau telah memilih untuk tinggal di kampung Parit Medan, Kundang Ulu, Muar, Johor.

Tempat ini telah dipilih oleh beliau dan keluarganya untuk mengembangkan lagi syiar dan ajaran Islam. Pondok yang dibina oleh Kiai Haji Shamsuddin adalah pondok pertama yang dibina di daerah Muar pada ketika itu. (Samin bin Shaid, 1994) Mereka telah memilih untuk membina rumah bersebelahan dengan parit yang dikatakan deras airnya. Berkat kerjasama dan sambutan oleh penduduk setempat, pondoknya semakin dikenali. Ramai pelajar dari ceruk rantau mula datang untuk menuntut ilmu di pondoknya.

6.2 Mendirikan Surau

Seorang yang berjuang dijalan dakwah selalunya akan meninggalkan satu perkara yang bernilai kepada pengikutnya untuk meneruskan perjuangan dalam menyebarkan syiar Islam. Seperti tokoh yang termasyhur ini, Kiai Hj Shamsuddin telah membina sebuah surau yang terletak dihadapan rumahnya yang juga bersebelahan dengan parit yang deras airnya. (Hj Sarkawi, 2016)

Surau inilah yang telah menjadi tempat untuk penduduk-penduduk kampung sembahyang secara berjemaah dan mempelajari tentang ilmu-ilmu agama yang disampaikan oleh beliau sendiri. Tenaga pengajar pada ketika itu adalah beliau sendiri tanpa bantuan mana-mana individu lain. Surau itu juga dibina khas dengan mempunyai beberapa buah bilik yang mana ianya bertujuan untuk dijadikan pusat pengajian bagi pelajar-pelajar yang ingin belajar lebih

khusus mengikut mata pelajaran yang telah ditetapkan sendiri oleh Kiai Hj Shamsuddin. (Hj Ahmad Hambali & Hj Sarkawi, 2016)

Pada ketika itu, banyak aktiviti-aktiviti dan kuliah-kuliah yang dijalankan oleh beliau sendiri. Semua pelajar-pelajar yang mendaftar di situ untuk mempelajari segala ilmu yang diajarkan oleh beliau tidak dikenakan sebarang bayaran. (Hj Ahmad Hambali & Hj Sarkawi, 2016)

Sumbangan beliau terhadap penubuhan surau ini memberi makna yang sangat mendalam untuk penduduk kampung pada ketika itu. Kiai Hj Shamsuddin sangat mengambil berat akan penduduk kampung yang dahagakan ilmu agama pada ketika itu.

6.3 Membina Masjid

Sewaktu Kiai Hj Shamsuddin tinggal di penempatan barunya, beliau dapati masih belum terdapat masjid yang dibina untuk kegunaan jemaah. Pada ketika itu, beliau hanya mendirikan surau untuk dijadikan pusat kegiatan Islam, yang mana tempatnya sangat terhad kepada jemaah dan penduduk kampung. Pertambahan pelajar yang hadir dari luar negeri menjadikan surau itu semakin terhad dan memerlukan kepada ruang yang lebih besar. (Hj Ahmad Hambali & Hj Sarkawi, 2016)

Kiai Hj Shamsuddin telah bercadang untuk membina sebuah masjid dan menggantikan surau yang sedia ada pada ketika itu. Pada tahun 1960, masjid telah siap dibina yang terletak dihadapan rumah beliau. Masjid yang dibina oleh beliau dinamakan masjid Kampung Parit Medan yang mana masjid itu masih sergam diingatan orang ramai hingga ke hari ini. Beliau juga yang telah menjadi imam di masjid tersebut. (Hj Ahmad Hambali, 2016) Dan pada hari ini, anak beliau sendiri yang telah menggantikan tempat beliau sebagai imam di masjid tersebut iaitu Haji Sarkawi Bin Haji Shamsuddin.

Masjid ini dibina bermodalkan bantuan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. (Hj Sarkawi, 2016) Masjid ini telah menjadi mercu tanda kepada kejayaan beliau dalam menjadikan penduduk kampung sebagai seorang mukmin yang sebenar. Tapak masjid yang dibina adalah diatas tanah wakaf yang telah diwakafkan oleh seseorang yang berhati mulia iaitu Haji Anuar yang mana beliau juga merupakan penduduk di kampung pada ketika itu. (Hj Hambali, 2016)

6.4 Mengasas Sekolah

Setelah menerima ramai pelajar dari luar yang datang ke pondoknya dan permintaan yang tinggi dari penduduk dari tahun ke tahun, maka Kiai Hj Shamsuddin telah mendirikan sebuah sekolah pondok yang lebih dikenali dengan nama Madrasah Shamsuddiniah Assalafiah di kampung Parit Medan, Kundang Ulu, Muar, Johor. (Samin bin Shaid, 1994) Pada tahun 1940, sebelum lahirnya Madrasah Shamsuddiniah telah ada beberapa buah sekolah agama yang lahir sama ada secara persendirian atau bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Pada tahun 1896, sekolah agama telah digabungkan dengan sekolah melayu di daerah Muar, akan tetapi struktur bangunan serta sistem pendidikannya masih belum teratur. Sekolah-sekolah yang ditubuhkan juga masih tidak mampu untuk menampung permintaan dari masyarakat untuk belajar kerana peningkatan bilangan mereka yang memohon semakin ramai dari tahun ke tahun. (Mohd Hairudin Amin & Kamarul Azmi Jasmi, 2011) Dari situ,

Kiai Hj Shamsuddin telah mencetuskan satu idea yang mana beliau mahu membina sebuah sekolah yang berteraskan agama dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Pada peringkat awal penubuhan, para pelajar madrasah terdiri dari kaum lelaki sahaja. Mereka kebanyakannya berasal daripada anak-anak tempatan yang tinggal berdekatan dengan sekolah. Namun begitu, terdapat juga para pelajar yang datang dari negeri lain seperti Selangor, Melaka dan Brunei khasnya dalam tahun 1960-an. Para pelajar akan dikenakan sedikit bayaran bagi menampung pembelajaran dan perjalanan sekolah.

Berbekalkan semangat yang kuat dan mendalam, keinginan Kiai Hj Shamsuddin untuk melihat penduduk kampung mendapatkan pendidikan Islam secukupnya, beliau telah mendirikan sebuah pondok di sini. Langkah pertama yang beliau lakukan adalah dengan mendapatkan surat kebenaran dari Jabatan Agama Islam Johor. (Mohamad Rafie bin Miskon, 2010) Akhirnya, segala usaha yang telah beliau usahakan berjaya pada 12 Mei 1940. Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengeluarkan surat kebenaran tersebut dengan diletakkan beberapa syarat yang telah ditetapkan antaranya, mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Johor.

Madrasah Shamsuddiniah ini telah didaftarkan dengan nama Madrasah Shamsuddiniah yang bersempena dengan nama beliau sendiri Kiai Haji Shamsuddin bin Haji Redzuan. Beliau juga merupakan pengasas bagi madrasah tersebut. Namun begitu, bangunan yang telah dibina di atasnya adalah diwakafkan oleh salah seorang penduduk kampung iaitu Puan Muslimah binti Abdul Mukhti, beliau merupakan salah seorang penyumbang kepada penubuhan madrasah Shamsuddiniah yang pertama. (Hj Ahmad Hambali & Hj Sarkawi, 2016)

Usaha membina bangunan asas madrasah ini yang boleh memuatkan antara 40 hingga 50 pelajar dilakukan dengan bergotong-royong bersama penduduk tempatan. Disamping itu, usaha ini mendapat bantuan daripada beberapa orang pelajar lelaki yang ada disitu. Pembinaan bangunan pada ketika itu dibina secara ringkas dan sederhana besar. (Hj Ahmad Hambali & Hj Sarkawi, 2016)

Penubuhan madrasah ini disebarkan disetiap daerah di Negeri Johor sama ada melalui penerangan-penerangan oleh guru dan para pelajar, ceramah-ceramah dan risalah-risalah yang dihantar kepada setiap masjid dan surau. Dengan adanya promosi yang sedemikian, maka madrasah Shamsuddiniah terus mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar yang datang dari dalam dan luar negeri Johor. (Abd. Latif Juffri & Jainal Sakiban, 2008) Selain itu, kewangan yang diperolehi madrasah Shamsuddiniah pada ketika itu adalah daripada tabung Kiai Haji Shamsuddin itu sendiri. (Hj Ahmad Hambali & Hj Sarkawi, 2016)

Pada tahun 1950, sebuah lagi bangunan tambahan telah berjaya didirikan. Bangunan ini sebenarnya didirikan bersebelahan dengan bangunan asal, bagi menjimatkan ruang yang semakin sempit. Namun perkara yang lebih utama adalah mendirikan sebuah asrama lelaki telah siap dibina dan dapat digunakan sepenuhnya. Oleh yang demikian, pelajar yang datang dari luar kawasan akan menetap di asrama tersebut. Sehingga tahun 1960, madrasah Shamsuddiniah telah mempunyai dua buah bangunan yang boleh digunakan untuk kelas-kelas belajar, lima buah asrama, dua buah kantin dan sebuah masjid beserta 7 orang guru dan kira-kira dalam 300 orang pelajar. (Samin bin Shaid, 1994)

Pada ketika itu, madrasah Shamsuddiniah mengalami kekurangan tenaga pengajar sejak mula ditubuhkan. Hanya Kiai Hj Shamsuddin sahaja yang menjadi pengajar tunggal merangkap pengetua atau mudir di madrasah pada ketika itu. (Hj Ahmad Hambali & Hj Sarkawi, 2016) Keadaan seperti ini sudah semestinya menyukarkan beliau untuk memberikan pengajaran dan mentadbir madrasah dengan baik. Sebagai satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan menjadikan pelajar senior sebagai tenaga pengajar. Mereka yang dilantik menjadi pengajar dipanggil "*lurah pondok*" (ketua pelajar). Antara *lurah pondok* yang menjadi pembantu beliau pada ketika itu ialah Ustaz Khanan bin Haji Sulaiman dan Ustaz Tahir bin Hajat. Lulusan pertama madrasah ini berjaya dikeluarkan pada tahun 1947. Pelajar yang telah menghabiskan pelajarannya di madrasah Shamsuddiniah telah pulang ke kampung masing-masing dan menjalankan pekerjaan yang sesuai. (Mohd Hairudin Amin & Kamarul Azmi Jasmi, 2011) Namun terdapat juga pelajar yang melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi seperti di Mesir, Arab Saudi dan Jordan.

6.5 Perjuangan Menentang Komunis

Sebagaimana yang telah diketahui, setelah pendudukan Jepun di Tanah Melayu berakhir pada tahun 1945, telah berlaku pemberontakan dimana bekas anggota MPAJA (Malayan people Anti Japanese Army) dan kumpulan bintang tiga cuba mengambil alih pemerintahan itu. (Mohd Rapi Bin Mohd Nor Al-Jundi, 2011) Mereka telah menimbulkan kekacauan dengan membunuh serta merogol penduduk tempatan secara berleluasa dan bermaharajalela dengan kejamnya tanpa mengira tua mahupun muda. Penduduk kampung berasa takut dan bimbang dengan ancaman tersebut dan tidak berani untuk keluar rumah kerana tindakan penganas yang tidak berperikemanusiaan. (Abu Bakar A.Hamid, 2003)

Pada ketika itu, Kiai Hj Shamsuddin tidak senang melihat dan mendengar tindakan kekejaman yang dilakukan oleh penganas yang ingin merampas kuasa pemerintahan ketika itu. Beliau bersama enam rakannya yang lain termasuk Kiai Salleh yang berada di Batu Pahat telah mengetuai pasukan penentang penganas yang disebut sebagai pasukan Selempang Merah untuk menentang pemberontakan. (Hj Hambali, 2016) Selempang Merah merupakan pasukan yang ditubuhkan oleh Kiai Salleh untuk menentang penganas. Setiap ketua akan memakai kain berwarna merah yang akan disangkutkan di bahu seperti memakai gelang. Kerana kain itulah pasukan mereka digelar pasukan Selempang Merah.

Berkat ilmu yang dipelajarinya, Kiai Hj Shamsuddin dan rakan-rakannya telah dapat melumpuhkan pasukan pemberontak tersebut. (Hj Hambali, 2016) Kiai Hj Shamsuddin juga mengarahkan anak murid dan orang kampung supaya bersiap sedia untuk mempertahankan kampung Kundang Ulu. Menurut penduduk kampung, mereka akan keluar dengan senjata masing-masing sekiranya terdengar bunyi letupan atau tembakan untuk menentang penganas. Pada waktu itu, senjata yang digunakan oleh penduduk kampung adalah seperti parang, cangkul, sabit dan sebagainya. Kiai Hj Shamsuddin juga telah memberikan penduduk kampung sepotong ayat al-Quran untuk diamalkan supaya menjadi pendinding diri sebelum keluar menentang komunis. Kiai Hj Shamsuddin telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pasukan Selempang Merah ini, di mana semangat beliau dan rakan-rakannya begitu berkobar-kobar untuk mempertahankan maruah bangsa dan agama yang tergedai ditangan yang bukan berhak. (Hj Hambali, 2016)

6.6 Sumbangan Melalui Penulisan

Sumbangan Kiai Hj Shamsuddin terhadap dakwah Islamiah sungguh besar dan bermakna kepada kita umat Islam khususnya. Sumbangan beliau banyak memberi kesan terhadap pemikiran Islam yang merangkumi pelbagai aspek, sama ada aspek sosial, pendidikan atau politik.

Seperti yang sedia maklum, Kiai Hj Shamsuddin juga merupakan seorang penulis. Beliau telah menghasilkan bukunya yang tersendiri. Di antara karya beliau adalah sebuah kitab himpunan selawat yang bertajuk “Majmu’atush Sholawat” yang mengandungi berbagai selawat yang masyhur termasuk selawat Tafrijiyyah dan selawat Syifa’. (Hj Hambali, 2016) Buku ini mula diterbitkan pada tahun 1981 oleh Idris Haji Kassim bagi pelajaran kuliah agama di masjid Kampung Parit Medan. Buku ini telah dicetak ulang sebanyak 5 kali dan cetakan terakhir ialah pada tahun 1989. Buku ini mengandungi 16 selawat ke atas Rasul, doa sebelum dan selepas membaca selawat serta 200 nama Rasul. (Kiai Hj. Shamsuddin bin Hj. Redzuan, 1981) Antara salah satu sebab buku ini diterbitkan adalah kerana permintaan ramai dari penduduk kampung dan pelajarnya yang belajar mengenai ilmu penenang hati melalui selawat keatas Rasul. (Hj Hambali, 2016)

Selain itu, Kiai Hj Shamsuddin juga telah menghasilkan sebuah lagi buku hasil daripada beliau sendiri iaitu Doa Warisan. (Hj Hambali, 2016) Kitab ini diterbitkan buat kali pertama pada tahun 1956 dalam edisi jawi. Tajuk asal buku ini bernama “Risalah al-Da’awat”. Kitab ini telah dikemaskini semula oleh Haji Abdul Rahman Rukaini dalam bahasa melayu dengan tajuk “Doa Warisan” dan telah diterbitkan oleh Awan Metro (M) Sdn. Bhd. Semenyih, Selangor Darul Ehsan pada tahun 2005. (Dato' Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan, 1956) Isi kandungan di dalam kitab ini disusun adalah untuk menjadi panduan kepada semua pembaca-pembaca khususnya kepada pembaca yang tidak memahami maksud-maksud doa. Oleh itu, setiap doa yang terkandung di dalam kitab ini disertakan sekali maksudnya supaya pembaca-pembaca dapat beramal dengan penuh penghayatan.

Kiai Hj Shamsuddin juga sebenarnya adalah salah seorang ulama yang mengamalkan rawatan secara Islam atau tradisional untuk mengatasi permasalahan kesihatan masyarakat. Beliau dikatakan telah mempelajari ilmu ini daripada gurunya yang bernama Ustaz Adnan pada ketika beliau berada di Pesantren Bacem. Tetamu yang hadir kerumahnya sentiasa bertali arus untuk mendapatkan rawatan dari beliau. Rawatan Islam yang diamalkan oleh beliau adalah berbentuk hikmat penerang hati. Rawatan ini dikatakan bermula sejak tahun 1950an. Selain penerang hati, beliau juga mengamalkan perubatan secara berselawat keatas Nabi dalam beberapa penyakit yang berkaitan. (Abu Bakar A.Hamid, 2003)

7. PANDANGAN ORANG LAIN TERHADAP TOKOH

Kiai Hj Shamsuddin merupakan seorang tokoh ulama tanah air yang sangat disegani dan dikenali ramai khususnya di negeri Johor. Beliau sangat dikenali kerana ilmu agama yang dimilikinya sepanjang hidup beliau. Beliau juga telah diberikan gelaran sebagai “kiai” kerana beliau mempunyai peribadi yang mulia.

Kiai Hj Shamsuddin sangat dikenali ramai terutama di negeri Johor. Sehingga segala pengorbanan dan sumbangan yang dilakukan beliau telah membuatkan ramai orang memberikan pandangan-pandangan yang baik terhadap beliau.

7.1 Pandangan 1

Anak sulung beliau Hj Sarkawi berpandangan yang mana orang lain telah berpandangan tentang ayah beliau adalah seorang ulama yang hebat.

“Kiai Hj Shamsuddin tetap meneruskan perjuangan dalam menyebarkan syiar Islam pada saat beliau ditimpa kesusahan, seperti tidak mempunyai bekalan elektrik dan air sepanjang beliau mengajar di madrasah. Alternatif yang beliau lakukan pada ke- orang tika itu adalah dengan menggunakan pelita untuk meneruskan kuliah-kuliah yang diadakan. Beliau juga telah menggunakan air perigi untuk bekalan beliau dan orang kampung pada ketika itu. Walaupun pelbagai rintangan yang beliau hadapi, namun me- jiwanya tetap kuat dan beliau tidak pernah menjadikan ianya satu bebanan yang mbebankan beliau mahupun orang kampung pada ketika itu”.

7.2 Pandangan 2

Seterusnya, pandangan anak bongsu lelaki Kiai Hj Shamsuddin iaitu Hj Hambali juga telah berpandangan yang mana orang lain telah berpandangan tentang ayahnya,

“Tuan Guru Kiai Hj Shamsuddin merupakan seorang pejuang yang bagus. Ini kerana sewaktu beliau mula mengajar dan membawa ajaran Islam yang sebenar di daerah Muar pada ketika beliau baru sahaja berpindah di situ, beliau telah dikedam dan dituduh telah membawa ajaran sesat di kampung itu kerana kehadiran beliau telah mengubah segala corak hidup dan pemikiran orang kampung. Beliau sangat terbuka dan berlapang dada apabila menerima tuduhan itu, sehinggakan beliau sendiri telah dipan- ggil oleh Kadi Muar untuk membuktikan bahawa ajaran dan pegangan yang dibawa oleh beliau tidak bercanggah dengan ajaran Islam”.

7.3 Pandangan 3

Kiai Haji Shamsuddin juga adalah seorang ulama yang sangat pakar dalam segala hal yang berkaitan dengan hukum hakam. Ini dapat dibuktikan apabila ketua hakim syarie, Mahkamah Syariah Johor iaitu Dato’ Jaafar Dayat telah mengatakan,

“Almarhum sentiasa menjadi pakar rujuk terutama mengenai fatwa yang berkaitan dengan faraid mahupun falaq”.

7.4 Pandangan 4

Kiai Hj Shamsuddin juga merupakan seorang insan yang sangat berhati-hati dalam berbicara. Ketua Penolong Pengarah Baitulmal Zakat dan Wakaf, Majlis Agama Islam Johor iaitu Ustaz Ramly Jusof mengatakan bahawa,

“Almarhum sangat berhati-hati bukan sahaja dalam memutuskan satu-satu hukum malah sentiasa mengawal tutur bicara”.

8. KESIMPULAN

Daripada kajian yang dijalankan, kami dapat mengenali dan mengetahui tentang latar belakang Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang alim lagi berwibawa serta berdedikasi. Beliau bukan sahaja berjaya mendirikan madrasah

yang kekal hingga ke hari ini, malah telah berjaya melahirkan ramai pendidik yang sungguh berwibawa daripada kalangan murid dan anaknya sendiri.

Seterusnya, peranan Kiai Hj Shamsuddin dalam jasa dan pengorbanannya dapat kami simpulkan bahawa banyak yang telah beliau lakukan untuk mengembangkan syiar Islam pada masa dahulu. Melalui kegiatan pendidikan, beliau telah berjaya mendekati masyarakat dan menyemarakkan minat terhadap ilmu-ilmu keislaman. Semangat perjuangan beliau ke arah mencapai kepuasan umat dan keredhaan Allah itu telah beliau lakukan dengan sehabis baik.

Dari segi sumbangan pula, penulis dapat mengenalpasti kesemua sumbangan yang dilakukan oleh Kiai Hj Shamsuddin sangat besar nilainya di mata masyarakat. Sumbangan yang beliau salurkan pada masa hidupnya masih lagi diingati sehingga ke hari ini walaupun beliau sudah tidak ada lagi. Segala sumbangan yang telah beliau lakukan mestilah sentiasa diingati dan dikenang sepanjang hidup kita supaya dapat menjadikan tokoh ulama ini sebagai satu idola yang disebut-sebut namanya.

Moga-moga segala pengorbanan, sumbangan dan dedikasinya itu menjadi inspirasi kepada golongan pemimpin dan rakyat Muslim yang terkemudiannya.

9. RUJUKAN

- Abd Latif Juffri @ Al-Juffri, M. M. (2012). *40 Tokoh Ulama Johor*. Johor: Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Abd. Latif Juffri & Jainal Sakiban. (2008). *Sejarah Perkembangan Pentadbiran Agama Islam Johor, MAIJ*. Johor Baharu.
- Abu Bakar A.Hamid, M. I. (2003). *Tokoh Ternama Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Basri Ibrahim. (1997). *Ulama Pewaris Nabi, Sifat & Akhlak Serta Peranannya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Dato' Hj Ahmad Munawar bin Haji Abdul Jalil. (2013). *Tokoh Dakwah Dunia Islam dan Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Anjung KIPSAS Sdn. Bhd.
- Dato' Kiai Hj Shamsuddin bin Hj Redzuan. (1956). *Doa Warisan*. Semenyih, Selangor: Awan Metro (M) Sdn. Bhd., Semenyih, Selangor Darul Ehsan.
- Kiai Hj. Shamsuddin bin Hj. Redzuan. (1981). *Himpunan Selawat dan hikmahnya*. Muar, Johor.
- Mohamad Rafie bin Miskon. (2010). Kiai Hj Shamsuddin Bin Redzuan : Sumbangannya dalam dakwah di daerah Muar, Johor. *Latihan Ilmiah*, 61.
- Mohamad Rafie bin Miskon. (2010). Kiai Hj Shamsuddin Bin Redzuan : Sumbangannya dalam dakwah di daerah Muar, Johor. *Latihan Ilmiah*, 47.
- Mohd Hairudin Amin & Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. UTM, Johor: Surya Sdn. Bhd.
- Mohd Rapi Bin Mohd Nor Al-Jundi. (2011). *Indahnya Hidup Berjuang*. Kuala Lumpur.
- Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi. (2014). Midrasi Tradisi Pesantren Jawa Ke Malaysia Awal Abad ke 20. *Bahan Ilmiah*, 222.
- Temubul bersama Hj Hambali bin Hj Shamsuddin (Pembantu takbir SMA Shamsuddiniah, anak Kiyai) di Kundang Ulu, Muar Johor. pada 11 Disember 2016. masa 2.00 p.m.
- Temubual bersama Hj Sarkawi bin Hj Shamsuddin (Imam Masjid, anak Kiyai) di Kundang Ulu, Muar, Johor. pada 11 Disember 2016. masa 2.00 p.m.

- Temubual bersama Abd Rahim bin Abd Samed (pengusaha kantin) di Taman Kempas, Johor Baharu. pada 23 Disember 2016. masa 9.30 a.m.
- Temubual bersama Saripan bin Kasiran (Imam Masjid) di Jalan Bakri, Muar. pada 25 Disember 2016. masa 12.00 tengah hari.
- Temubual bersama Jamiaah binti Othman (Isteri imam Masjid, Sapiran Kasiran) di Jalan Bakri, Muar. pada 25 Disember 2016. masa 3.00 p.m.
- Temubual bersama Ustaz Shamsuddin bin Mahdi (Penolong Pengarah, jab. Agama Johor) di Galleria Johor Baharu. pada 24 Disember 2016. masa 10.30 p.m.
- Temubual bersama Hj Anuar bin Sarimin (Ketua Penolong pengarah, Jabatan Agama Johor, anak murid kiyai) di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang Johor. pada 24 Disember. masa 10.00 a.m.
- Samin bin Shaid. (1994). Madrasah Shamsuddiniah : sejarah penubuhan dan perkembangannya. *Latihan Ilmiah*, 31.
- Samin bin Shaid. (1994). Madrasah Shamsuddiniah : Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya. *Latihan Ilmiah*, 59.
- Syarul Azman Shahrudin & Safinah Ismail. (April 2016). *Bintang-bintang Dakwah*. Selangor: Mashi Publication Sdn Bhd.